



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

eISSN 2716-6813



9 772716 681002

SOROTAN STATISTIK

EKONOMI MALAYSIA

SIRI 10 | 2023



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 10 | 2023

Pemakluman:

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data.

OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / Twitter / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
Emel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 31 Oktober 2023.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

| | | | |
|-----------|------------------------------------|-----------|------------------------------|
| 02 | TINTA KETUA PERANGKAWAN | | |
| 04 | SOROTAN PENTING | | |
| 06 | INDIKATOR EKONOMI UTAMA | | |
| 08 | PERSPEKTIF KESELURUHAN | | |
| 12 | RENCANA | | |
| 17 | SNAPSHOT | 29 | SEKTOR LUARAN |
| 18 | PERTANIAN | 33 | SENARIO BURUH |
| 23 | INDUSTRI DAN PEMBUATAN | 37 | HARGA |
| 25 | PERKHIDMATAN | 41 | WAY FORWARD |
| | | 44 | INDIKATOR EKONOMI |
| | | 58 | AHLI MESR |
| | | 59 | PENGHARGAAN |

TINTA KETUA PERANGKAWAN

Keluaran Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) bagi Oktober 2023 adalah siri kesepuluh untuk tahun 2023. Saya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) amat berbesar hati mengalu-alukan pengguna dan pembaca ke penerbitan terkini kami. MESR memaparkan senario ekonomi terkini berdasarkan statistik rasmi makroekonomi yang diterbitkan oleh DOSM dan Siri 10/2023 ini memfokuskan pada statistik terkini yang dikeluarkan bagi bulan Ogos 2023 dengan beberapa statistik terkini bagi bulan September 2023. Selain itu, siri ini juga dilengkapi dengan artikel bertajuk "Indeks Harga Pengeluar dan Indeks Harga Pengguna: Hubungan antara Makanan di Rumah dan Makanan Pengguna Siap di Malaysia". Artikel ini mengkaji hubungan antara harga pengeluar dan harga pengguna dengan penumpuan khusus kepada makanan yang dibeli untuk digunakan di rumah.

Menelusuri landskap ekonomi semasa, amat penting untuk memperhatikan beberapa perkembangan ekonomi global dan tempatan yang signifikan dan pengumuman yang telah mendapat perhatian pada bulan Oktober. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menerbitkan laporan World Economic Outlook (WEO) pada Oktober 2023, yang menunjukkan unjuran ekonomi global yang menyederhana kepada 3.0 peratus pada 2023 dan 2.9 peratus pada 2024. Ini adalah penurunan 0.1 mata peratusan berbanding ramalan sebelumnya pada Julai 2023.

Di peringkat domestik, ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun dalam ketidaktentuan landskap ekonomi global. Laporan Tinjauan Ekonomi 2024 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) Malaysia meramalkan KDNK Malaysia akan berkembang sekitar 4.0 peratus pada 2023 dan antara 4.0 hingga 5.0 peratus pada 2024. Tambahan lagi, Bank Dunia telah menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia iaitu lebih rendah daripada 4.3 peratus kepada 3.9 peratus untuk 2023 tetapi menjangkakan pertumbuhan 4.3 peratus pada 2024. Peningkatan yang lebih baik ini disokong oleh pertumbuhan dalam permintaan domestik.

Melalui langkah yang proaktif, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memperkenalkan anggaran KDNK awalan suku pertama buat pertama kalinya. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan data makroekonomi terkini terutamanya kepada penggubal dasar dan pihak berkepentingan sejajar dengan amalan terbaik di negara maju seperti United States, United Kingdom, Japan dan Singapore. Anggaran awalan menunjukkan bahawa KDNK Malaysia mengalami pertumbuhan 3.3 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2023, mengatasi pertumbuhan 2.9 peratus tahun ke tahun yang dicatatkan pada suku kedua 2023. Pengembangan ini didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, yang terus memacu prestasi keseluruhan ekonomi pada suku tersebut, dengan peningkatan 5.1 peratus, naik daripada 4.7 peratus pada ST2 2023. Secara keseluruhan, tiga suku tahun pertama 2023 menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang 2.9 peratus (3ST 2022:9.2%).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membentangkan Bajet 2024 iaitu Belanjawan Madani kedua yang menunjukkan komitmen tinggi kerajaan untuk memperkasa ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bajet 2024 memberi tumpuan kepada tiga teras utama: pertama, melaksanakan tatakelola terbaik demi ketangkasan perkhidmatan; kedua, memangkin penstrukturan ekonomi dan perniagaan; dan ketiga, meningkatkan darjat hidup rakyat.

Tambahan pula, Bajet 2024 menggariskan komitmen kerajaan terhadap reformasi fiskal dengan matlamat mengatasi cabaran berganda yang timbul akibat prospek ekonomi global yang kurang kukuh dan limitasi kewangan Malaysia. Selain itu, inisiatif yang diperkenalkan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, yang mengiktiraf peranan penting tenaga dalam memacu pertumbuhan, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, yang membentuk sektor pembuatan Malaysia yang kukuh dan berdaya tahan, dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, yang digarap bagi memperkukuh kemampuan, memupuk kemakmuran dan menunjangi Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Selain itu, Hari Statistik Negara adalah sambutan tahunan yang jatuh pada 20 Oktober setiap tahun. Meniti kian tahun, kepentingan statistik dalam memajukan kesejahteraan masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara terus meningkat. Pada tahun 2023, kami meraikan sambutan MyStats Day untuk tahun yang kesembilan pada 20 Oktober, dengan tema "Statistik Nadi Kehidupan." Sabak Bernam, Selangor telah dipilih sebagai lokasi untuk sambutan hari istimewa ini yang menampilkan pelbagai aktiviti. Sambutan ini memainkan peranan penting dalam usaha Jabatan Perangkaan Malaysia untuk mempromosikan budaya

statistik yang sejajar dengan wawasan Malaysia Madani. Sambutan ini juga telah menghimpunkan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, komuniti dan individu daripada pelbagai latar belakang. Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas penyertaan aktif masyarakat dalam bidang statistik dan berharap penglibatan ini akan berterusan pada tahun-tahun akan datang.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.” Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Oktober 2023

- Berdasarkan laporan World Economic Outlook (WEO) oleh International Monetary Fund (IMF) pada Oktober 2023, ekonomi global dijangka menyederhana kepada 3.0 peratus pada 2023 dan 2.9 peratus pada 2024. Pertumbuhan ekonomi bagi negara maju dijangka perlahan daripada 2.6 peratus pada 2022 kepada 1.5 peratus pada 2023 dan 1.4 peratus pada 2024. Pada masa yang sama, ekonomi pasaran baharu dan ekonomi membangun (EMDE) dijangka mengalami pertumbuhan sederhana, daripada 4.1 peratus pada 2022 kepada 4.0 peratus pada 2023 dan 2024
- Ekonomi Malaysia terus berkembang di sebalik ketidakpastian landskap ekonomi global. Laporan Tinjauan Ekonomi 2024 oleh Kementerian Kewangan Malaysia mengunjurkan KDNK negara berkembang kira-kira 4.0 peratus pada 2023 dan antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada 2024. Selain itu, anggaran awalan Malaysia untuk suku tahun ketiga 2023 menunjukkan bahawa ekonomi berkembang sebanyak 3.3 peratus.
- Pengeluaran getah asli turun 16.9 peratus tahun ke tahun kepada 31,309 tan metrik pada Ogos 2023 (Ogos 2022: 37,666 tan metrik). Namun begitu, perbandingan pengeluaran secara bulan ke bulan mencatatkan peningkatan sebanyak 9.7 peratus berbanding 28,533 tan metrik pada Julai 2023. Pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit pada September 2023 meningkat sebanyak 2.1 peratus kepada 9,343,430 tan metrik berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. (September 2022: 9,152,131 tan metrik). Begitu juga, perbandingan pengeluaran bulan ke bulan juga melonjak sebanyak 4.5 peratus berbanding Ogos 2023 (8,945,139 tan metrik).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia beralih ke arah penurunan pada Ogos 2023, menunjukkan penyusutan sebanyak 0.3 peratus berbanding positif 0.7 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam sektor Pembuatan, yang turun sebanyak 0.6 peratus berbanding penurunan 0.2 peratus pada Julai 2023.
- Nilai jualan sektor Pembuatan terus menurun pada asas tahunan, merosot sebanyak 3.3 peratus pada Ogos 2023 selepas merekodkan pertumbuhan negatif 3.0 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tahunan ini didorong terutamanya oleh subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik, yang mencatatkan penurunan sebanyak 12.1 peratus, menandakan penurunan dua angka untuk tiga bulan berturut-turut. Selain itu, penurunan juga dipengaruhi oleh penguncupan dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (-6.6%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-0.1%).
- Meninjau prestasi Perdagangan Borong & Runcit Malaysia, nilai jualan bulanan meningkat sebanyak 6.7 peratus tahun ke tahun untuk mencecah RM142.5 bilion pada Ogos 2023. Pertumbuhan ini dipacu oleh jualan subsektor Perdagangan Borong, yang berkembang sebanyak 6.2 peratus kepada RM63.9 bilion. Selain itu, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor juga menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 6.3 peratus (+RM3.6 bilion) dan 9.7 peratus (+RM1.6 bilion).
- Kadar inflasi Malaysia kekal pada 2.0 peratus pada Ogos 2023. Pertumbuhan ini dipengaruhi oleh kenaikan harga tahunan yang sederhana bagi Restoran & Hotel (4.7%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.1%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.7%). Secara keseluruhan, indeks harga kekal pada paras yang lebih tinggi, iaitu 130.7 berbanding 128.2 pada Ogos 2022. Inflasi mereda kepada 1.9 peratus pada September 2023.
- Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia pada asas tahunan merosot sebanyak 1.8 peratus pada Ogos 2023 berbanding negatif 2.3 peratus pada bulan sebelumnya. Aliran menurun ini dipengaruhi oleh kejatuhan 3.8 peratus dalam sektor Perlombongan (Julai 2023: -10.8%), diikuti oleh penurunan 2.3 peratus dalam sektor Pembuatan dan penurunan kecil 0.1 peratus dalam sektor Bekalan elektrik & gas. Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat sebanyak 2.9 peratus dan sektor Bekalan air meningkat 2.5 peratus. Bagaimanapun, IHPR meningkat sebanyak 0.2 peratus pada September 2023.
- Prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan penurunan ketara pada Ogos 2023, dengan jumlah perdagangan merosot 19.8 peratus daripada RM265.8 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM213.0 bilion. Eksport turun 18.6 peratus kepada RM115.2 bilion, manakala import mengalami penurunan yang lebih ketara sebanyak 21.2 peratus kepada RM97.9 bilion. Walaupun begitu, lebihan dagangan


meningkat secara marginal sebanyak 0.1 peratus daripada tahun sebelumnya, mencecah RM17.3 bilion. Jumlah dagangan pada September 2023 menurun sebanyak 12.6 peratus tahun ke tahun kepada RM224.4 bilion. Eksport menyusut 13.7 peratus kepada RM124.5 bilion, manakala import berkurang 11.1 peratus kepada RM100.0 bilion. Berikutan itu, lebih dagangan menguncup sebanyak 23.0 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM24.5 bilion.

- Dari sudut senario buruh Malaysia, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.1 peratus kepada 16.35 juta pada Ogos 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Ogos 2022: 16.02 juta orang). Bilangan tenaga buruh juga menyaksikan pertumbuhan 1.8 peratus tahun ke tahun, berjumlah 16.93 juta orang. Hasilnya, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.4 mata peratus tahun ke tahun kepada 70.1 peratus dan kadar pengangguran turun sebanyak 0.3 mata peratus kepada 3.4 peratus.
- Kadar pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor (IP) terus perlahan, dengan penurunan kecil sebanyak 0.5 peratus untuk mencapai 109.7 mata, berbanding dengan penurunan 1.0 peratus pada bulan sebelumnya. Kadar pertumbuhan IP kekal di bawah aliran 100.0 mata, menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka terus menyederhana disumbangkan oleh ketidaktentuan ekonomi global, walaupun permintaan dalam negeri yang kukuh.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA


Indeks Pelopor

109.7
OGOS 2023




Kadar Pengangguran

3.4%
OGOS 2023




Pengeluaran Buah Tandan Segar

2.1%
SEPTEMBER 2023




Pengeluaran Getah Asli

-16.9%
OGOS 2023




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

-0.3%
OGOS 2023



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

-3.3%
OGOS 2023




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


**Nilai Jualan Perdagangan
Borong & Runcit**

6.7%
OGOS 2023




**Indeks Volum Perdagangan
Borong & Runcit**

5.0%
OGOS 2023




Eksport

-13.7%
SEPTEMBER 2023




Import

-11.1%
SEPTEMBER 2023




**Indeks Harga Pengguna
(IHP)**

1.9%
SEPTEMBER 2023



**Indeks Harga Pengeluar
(IHPR) Pengeluaran
Tempatan**

0.2%
SEPTEMBER 2023



Nota:


- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

Ekonomi Dunia

Ketidaktentuan pasaran kewangan berikutan daripada dasar monetari yang lebih ketat bagi mengurangkan inflasi, konflik geopolitik yang berlarutan serta peningkatan perubahan iklim telah menjejaskan kepantasan pemulihan ekonomi global. *International Monetary Fund (IMF)* menerusi laporan *World Economic Outlook (WEO)* yang diterbitkan pada Oktober 2023, mengunjurkan prospek ekonomi global menyederhana 3.0 peratus pada tahun 2023 dan 2.9 peratus pada tahun 2024, 0.1 mata peratus lebih rendah berbanding unjuran yang dikeluarkan pada bulan Julai 2023.

Pertumbuhan ekonomi dalam kalangan negara maju dijangka lebih perlahan daripada 2.6 peratus (2022) kepada 1.5 peratus pada tahun 2023 dan 1.4 peratus pada tahun 2024. Manakala ekonomi pasaran baharu dan ekonomi membangun (EMDE) dijangka berkembang sederhana daripada 4.1 peratus (2022) kepada 4.0 peratus pada tahun 2023 dan 2024. Selain itu, pertumbuhan ekonomi China telah disemak semula dengan penurunan 0.3 mata peratus pada tahun 2024 berikutan krisis hartanah yang berlaku di negara tersebut. Prestasi ekonomi negara terpilih bagi tahun 2022 serta unjuran bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti yang dipaparkan di **Jadual 1**.

Jadual 1: Ramalan Pertumbuhan KDNK Benar oleh IMF bagi Negara-negara Terpilih, 2022- 2024



Sumber: IMF World Economic Outlook, Oktober 2023

Berdasarkan anggaran awalan, Kementerian Perdagangan dan Industri (MTI) Singapore melaporkan ekonomi negara itu bertumbuh marginal 0.7 peratus pada suku ketiga tahun 2023, meneruskan pertumbuhan 0.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Pembinaan yang mengukuh 6.0 peratus, didorong oleh peningkatan output pembinaan sektor awam dan swasta. Sementara itu sektor Perkhidmatan menyederhana 1.9 peratus disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam semua subsektor. Namun begitu, sektor Pembuatan menguncup 5.0 peratus dipengaruhi oleh kemerosotan output bagi semua kluster pembuatan, kecuali kluster kejuruteraan pengangkutan.

Ekonomi Vietnam meningkat 5.3 peratus pada suku ketiga tahun 2023 berbanding 4.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi tempoh Januari hingga September 2023, sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan berkembang 3.4 peratus. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan dan perindustrian menokok 2.4 peratus, manakala Industri pemprosesan dan pembuatan meningkat 1.9 peratus. Di samping itu, sektor Perkhidmatan mengukuh 6.3 peratus, dipacu oleh prestasi yang lebih baik dalam semua subsektor iaitu Perdagangan borong dan runcit (8.0%), Pengangkutan dan penyimpanan (8.7%), Kewangan, perbankan dan insurans (6.9%) dan Penginapan dan makanan (13.2%).


Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan meskipun berdepan dengan peningkatan dalam ketidakpastian keadaan landskap ekonomi global. Menurut Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) melalui Laporan Tinjauan Ekonomi 2024 yang diterbitkan pada Oktober 2023, KDNK Malaysia diunjurkan bertumbuh sekitar 4.0 peratus pada tahun 2023 dan di antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada tahun 2024.

Bank Dunia turut menyemak unjuran KDNK Malaysia kepada 3.9 peratus daripada 4.3 peratus bagi tahun 2023 di tengah-tengah kemerosotan ketara dalam permintaan luaran yang menyaksikan jumlah eksport menguncup dalam dua suku pertama tahun ini. Bagaimanapun, permintaan domestik akan terus membantu daya tahan ekonomi negara. Selain itu, Bank Dunia mengunjurkan ekonomi Malaysia bertumbuh sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2024, meningkat sedikit berbanding unjuran asal 4.2 peratus yang disokong oleh permintaan domestik yang kukuh.

Berdasarkan anggaran awalan KDNK suku tahunan, ekonomi Malaysia bagi suku tahun ketiga 2023 bertumbuh sebanyak 3.3 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan dalam sektor Perkhidmatan, Pembinaan dan Pertanian. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan menguncup pada suku tahun ini (**Jadual 2**).

Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2021 – 2022 dan ST1 2021 – ST3 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: *Anggaran awalan

Sektor **Perkhidmatan** meningkat 5.1 peratus berbanding 4.7 peratus pada suku tahun kedua 2023. Prestasi ini adalah dipengaruhi oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan Perniagaan. Selain itu, subsektor yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan seperti Makanan & Minuman dan Penginapan, turut berkembang. Sementara itu, subsektor Kewangan dan insurans menurun pada suku tahun ini.

Sektor **Pembuatan** menyusut secara marginal 0.1 peratus pada suku tahun ketiga 2023 (ST2 2023: 0.1%). Penurunan dalam sektor ini dipengaruhi oleh Produk elektrik, elektronik & optikal, diikuti oleh Produk Petroleum, kimia, getah & plastik dan Produk tekstil, pakaian & kulit, berikutan permintaan luaran yang lemah. Sebaliknya, Minuman & produk tembakau dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan meningkat pada suku tahun ini, disokong oleh permintaan domestik yang memacu kepada peningkatan ketara dalam aktiviti pengeluaran.

Sektor **Pertanian** pulih kepada 0.8 peratus pada suku tahun ketiga 2023 (ST2 2023: -1.1%). Pertumbuhan sektor ini disokong oleh prestasi dalam subsektor Kelapa sawit, Ternakan dan Pertanian lain. Walau bagaimanapun, subsektor Perikanan, Getah dan Perhutanan & pembalakan menunjukkan penguncupan pada suku tahun ini. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan menguncup pada suku tahun ini.

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Sementara itu, sektor **Perlombongan dan pengkuarian** menurun 0.1 peratus daripada penyusutan 2.3 peratus pada suku tahun kedua 2023. Prestasi sektor ini dipengaruhi oleh penurunan pengeluaran dalam subsektor Gas asli. Walau bagaimanapun, subsektor Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan dan Minyak mentah & Kondensat kekal bertumbuh pada suku tahun ini.

Sektor **Pembinaan** meningkat 5.8 peratus pada suku tahun ketiga 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini diterajui oleh Kejuruteraan Awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

Dari sudut prestasi perdagangan antarabangsa, perdagangan Malaysia merosot pada Ogos 2023, prestasi negatif yang berterusan sejak Mac. Jumlah dagangan menyusut 19.8 peratus daripada tahun sebelumnya, pertumbuhan terendah sejak penularan COVID-19 (Mei 2020: -27.6%). Penurunan ini adalah selaras dengan kejatuhan kedua-dua eksport dan import, masing-masing menguncup 18.6 peratus dan 21.2 peratus. Namun, lebih dagangan meningkat secara marginal 0.1 peratus. Sementara itu pada September, prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan trend penurunan, namun pada kadar yang lebih baik. Jumlah dagangan, eksport, import dan lebih dagangan masing-masing mencatatkan penurunan, pada 12.6 peratus, 13.7 peratus, 11.1 peratus dan 23.0 peratus.


Sementara itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) merekodkan penurunan 0.3 peratus pada Ogos 2023 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kejatuhan IPP pada bulan Ogos dipengaruhi oleh sektor Pembuatan yang mencatatkan penurunan marginal 0.6 peratus. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing bertumbuh 0.1 peratus dan 1.9 peratus.

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia menunjukkan prestasi yang lembap, dengan mencatatkan penyusutan sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan RM152.3 bilion. Penurunan ini dipengaruhi oleh produk Petroleum, kimia, getah & plastik (-12.1%), Makanan, minuman & tembakau (-6.6%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-0.1%).

Selain itu, nilai jualan Perdagangan borong & runcit berjumlah RM142.5 bilion pada Ogos 2023, pertumbuhan 6.7 peratus tahun ke tahun. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong terutamanya oleh subsektor Kenderaan bermotor yang meningkat 9.7 peratus kepada RM18.1 bilion. Ini diikuti oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong yang masing-masing meningkat 6.3 peratus kepada RM60.5 bilion dan 6.2 peratus kepada RM63.9 bilion. Selain itu, indeks volum Perdagangan borong & runcit mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus pada Ogos 2023 yang disumbangkan oleh Kenderaan bermotor 8.7 peratus, Perdagangan borong 6.1 peratus dan Perdagangan runcit 3.8 peratus.


Mengorak langkah, kadar pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor (IP) merekodkan negatif yang lebih baik pada 0.5 peratus pada Ogos 2023 kepada 109.7 mata berbanding negatif 1.0 peratus pada bulan sebelumnya (Paparannya I). Prestasi tersebut dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan berterusan dalam Import Benar Semi Konduktor(-31.9%), manakala peningkatan dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (245.7%) mengimbangi prestasi keseluruhan IP. Melihat kepada prestasi bulanan, IP memulih kepada 0.7 peratus berbanding negatif 0.8 peratus pada Julai 2023 kesan daripada peningkatan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.9%). Kadar pertumbuhan IP tercin Ogos 2023 kekal di bawah aliran 100.0 mata, menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi global meskipun permintaan domestik kukuh.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengeluar dan Indeks Harga Pengguna: Hubungan antara Makanan di Rumah dan Makanan Pengguna Siap di Malaysia

Maslina binti Samsudin

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mengukur kadar perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibeli dan dijual oleh pengeluar. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengira IHPR menggunakan dua kaedah. Kaedah pertama adalah indeks keluaran asas yang dikelaskan berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC 2008). Kaedah kedua yang menjadi fokus pada kajian ini adalah menganalisis Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dengan mengagregat mengikut indeks peringkat pemprosesan (SOP). SOP mengkategorikan barangan dan perkhidmatan kepada peringkat pengeluaran iaitu primer, perantaraan dan barang siap yang membolehkan penganalisis menjejak inflasi harga melalui rantai pengeluaran. Kajian ini menganalisis hubungan antara subkomponen SOP (Makanan Pengguna Siap) dan subkumpulan IHP (iaitu Makanan di rumah).


SUMBER DATA DAN METODOLOGI

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk melihat hubungan antara IHPR dan IHP. Ghazali, Yee dan Muhammed (2008) mengkaji data bulanan IHPR dan IHP dari Januari 1986 hingga April 2007 di Malaysia. Penemuan mereka menunjukkan bahawa terdapat hubungan sehalu sebab-akibat daripada IHPR ke IHP di Malaysia. Sementara itu, kajian oleh Liping, Gang dan Jiani (2008) mendapati hubungan sehalu sebab-akibat antara IHPR dan IHP yang bergerak daripada IHP ke IHPR di China.

Pergerakan lima tahun (5) dari Januari 2019 hingga Ogos 2023 untuk IHP dan IHPR telah diplot untuk mengkaji hubungan antara IHPR dan IHP. Makanan pengguna siap di peringkat pemprosesan data (SOP), IHPR diplot dengan Makanan di rumah dalam IHP. Makanan pengguna siap adalah subkomponen kepada Barang siap dalam SOP. Selain itu, analisis hubungan kedua-dua pembolehubah ini dibuat untuk melihat magnitud hubungan itu. Makanan di rumah dalam IHP menggambarkan barangan yang dibeli oleh isi rumah di Malaysia untuk penyediaan memasak di rumah seperti beras, tepung gandum, susu dan gula, manakala Makanan pengguna siap merujuk kepada barangan makanan siap dan sedia untuk dijual kepada pengguna akhir. Kajian ini juga membandingkan hasil hubungan IHP keseluruhan & IHPR serta Makanan di rumah dan tiga kategori SOP IHPR, iaitu Bahan mentah, Bahan perantaraan & Barang siap.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Carta 1a: Inflasi Tahunan Makanan di Rumah IHP dan Makanan Pengguna Siap IHPR, Januari 2019 hingga Ogos 2023



Carta 1a menunjukkan perubahan tahun ke tahun Makanan di rumah (IHP) dan Makanan pengguna siap (IHPR-SOP) bagi tempoh Januari 2019 hingga Ogos 2023. Graf menunjukkan bahawa bagi tempoh Januari 2019 hingga Februari 2020 terdapat jurang antara Makanan pengguna siap dan Makanan di rumah. Makanan di rumah mencatatkan perubahan antara negatif 0.5 peratus hingga 1.6 peratus dalam tempoh tersebut. Sebaliknya, Makanan pengguna siap IHPR, mencatatkan penurunan harga antara negatif 3.4 peratus hingga negatif 0.3 peratus. Makanan pengguna siap mula meningkat pada Februari 2020 dan mencapai kemuncak 7.4 peratus pada Ogos 2022 sebelum kembali perlahan selepas itu. Begitu juga, inflasi Makanan di rumah mula meningkat pada September 2021 (2.6%) dan mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 6.4 peratus pada Julai dan Ogos 2022.

Jadual 1a: Korelasi antara Makanan di rumah (IHP) dan pelbagai kategori IHPR (SOP)

| Kategori | Hasil Korelasi |
|--|----------------|
| IHP vs IHPR (Keseluruhan) | 0.617 |
| Makanan di Rumah IHP vs IHPR Bahan Mentah | 0.007 |
| Makanan di Rumah IHP vs IHPR Bahan Perantaraan | 0.616 |
| IHP Makanan di Rumah vs IHPR Barangan Siap | 0.665 |
| Makanan di Rumah IHP vs IHPR Makanan Pengguna Siap | 0.934 |

Perbandingan berdasarkan analisis korelasi untuk perubahan tahun ke tahun Makanan di rumah dan pelbagai kategori peringkat pemprosesan IHPR telah dibuat dari Januari 2019 hingga Ogos 2023 (**Jadual 1a**). Keputusan menunjukkan hubungan yang kuat antara Makanan di rumah dan Makanan pengguna siap dengan nilai 0.934. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang lemah antara Makanan di rumah dan Bahan mentah dengan nilai 0.007. Bahan mentah terdiri daripada barangan komoditi maka inflasi bahan mentah sangat dipengaruhi oleh perubahan dalam harga komoditi seperti buah tandan segar dan minyak mentah. Kesannya, ia menyumbang kepada hubungan yang lemah. Namun begitu, hubungan sederhana telah direkodkan untuk Makanan di rumah & Bahan perantaraan (0.616); dan Makanan di rumah & Barangan siap (0.665). Sementara itu, korelasi IHP dan IHPR pada jumlah keseluruhan mencatatkan nilai 0.62.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penemuan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara transmisi harga dari peringkat pemprosesan, khususnya Makanan pengguna siap kepada harga pengguna seperti yang digambarkan bagi Makanan di rumah. Namun begitu, kajian ini mempunyai limitasi tertentu. Oleh itu, analisis yang lebih terperinci diperlukan untuk memberikan pemahaman yang komprehensif tentang hubungan antara indeks ini di Malaysia dan untuk meneroka implikasinya dengan lebih meluas bagi membuat keputusan dalam ekonomi.

RUJUKAN

Ghazali, M. F., Yee, O. A., & Muhammad, M. Z. (2008). Do producer prices cause consumer prices? Some empirical evidence. *International Journal of Business and Management*, 3(11), 78-82.

Liping, H., Gang, F., & Jiani, H. (2008). CPI vs. PPI: Which Drives Which. *Economic Research Journal*, 43(11), 16-27.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 10/ 2023



PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Sept 2023: 9,343,430 tan metrik ▲ 2.1%
Ogos 2023: 8,945,139 tan metrik ▲ 0.8%
Julai 2023: 8,350,328 tan metrik ▲ 4.2%



Pengeluaran Getah Asli

Ogos 2023: 31,309 tan metrik ▼ -16.9%
Julai 2023: 28,533 tan metrik ▼ -24.6%
Jun 2023 : 29,867 tan metrik ▼ -3.9%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Ogos 2023: ▼ -0.3%
Julai 2023: ▲ 0.7%
Jun 2023: ▼ -2.2%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Ogos 2023: RM152.3 bilion ▼ -3.3%
Julai 2023: RM143.9 bilion ▼ -3.0%
Jun 2023: RM147.4 bilion ▼ -4.0%



Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Ogos 2023: RM142.5 bilion ▲ 6.7%
Julai 2023: RM139.7 bilion ▲ 7.1%
Jun 2023: RM138.5 bilion ▲ 4.3%

SEKTOR LUARAN



Eksport

Sept 2023: RM124.5b ▼ -13.7%
*Ogos 2023: RM115.2b ▼ -18.6%
Julai 2023 : RM116.8b ▼ -13.0%



Import

Sept 2023: RM100.0b ▼ -11.1%
* Ogos 2023: RM97.9b ▼ -21.2%
Julai 2023: RM99.5b ▼ - 16.1%

* Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

Ogos 2023: 16.35 juta orang ▲ 2.1%
Julai 2023: 16.34 juta orang ▲ 2.2%
Jun 2023: 16.31 juta orang ▲ 2.3%



Kadar Pengangguran

Ogos 2023: 3.4%
Julai 2023: 3.4%
Jun 2023: 3.4%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

Sept 2023: ▲ 1.9%
Ogos 2023: ▲ 2.0%
Julai 2023 : ▲ 2.0%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Sept 2023: ▲ 0.2%
Ogos 2023: ▼ -1.8%
Julai 2023: ▼ -2.3%

b: bilion
Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun


Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Siri 10/ 2023,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada September 2023 meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 9,343,430 tan metrik berbanding 8,945,139 tan metrik pada Ogos 2023 (**Carta 3**). Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan peningkatan 2.1 peratus berbanding September 2022 (9,152,131 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandam Segar, Januari 2022 - September 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada September 2023 meningkat 5.3 peratus kepada 1.58 tan metrik/ha berbanding bulan sebelumnya (1.50 tan metrik/ha) (**Jadual 3**). Estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Sabah / Sarawak masing-masing merekodkan peningkatan 5.8 peratus kepada 1.64 tan metrik/ha (Ogos 2023: 1.55 tan metrik/ha) dan 5.5 peratus kepada 1.53 tan metrik/ha (Ogos 2023: 1.45 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandam Segar mengikut Kawasan, Januari 2022 - September 2023 (Tan Metrik/Ha)

| Wilayah | 2022 | | | | | | | | | | | | 2023 | | | | | | | | |
|----------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept |
| Malaysia | 1.10 | 0.99 | 1.18 | 1.17 | 1.20 | 1.26 | 1.28 | 1.45 | 1.51 | 1.54 | 1.45 | 1.38 | 1.19 | 1.07 | 1.09 | 1.00 | 1.23 | 1.21 | 1.37 | 1.50 | 1.58 |
| Semenanjung Malaysia | 1.07 | 1.07 | 1.32 | 1.28 | 1.30 | 1.38 | 1.40 | 1.52 | 1.57 | 1.61 | 1.49 | 1.41 | 1.19 | 1.11 | 1.07 | 0.96 | 1.21 | 1.18 | 1.39 | 1.55 | 1.64 |
| Sabah/ Sarawak | 1.12 | 0.93 | 1.06 | 1.08 | 1.11 | 1.17 | 1.18 | 1.39 | 1.46 | 1.48 | 1.41 | 1.36 | 1.19 | 1.04 | 1.11 | 1.03 | 1.24 | 1.24 | 1.35 | 1.45 | 1.53 |

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 4.3 peratus (September 2023: 1,829,434 tan metrik, Ogos 2023: 1,753,472 tan metrik) dan 6.2 peratus (September 2023: 446,094 tan metrik, Ogos 2023: 420,216 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah meningkat marginal 0.2 peratus (September 2023: 193,050 tan metrik, Ogos 2023: 192,612 tan metrik) manakala dedak isirung menurun sebanyak 0.4 peratus (September 2023: 211,104 tan metrik, Ogos 2023: 211,963 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2022 - September 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit dan minyak isirung sawit masing-masing menurun sebanyak 2.1 peratus. (September 2023: 1,196,113 tan metrik, Ogos 2023: 1,221,848 tan metrik) dan 12.8 peratus (September 2023: 80,106 tan metrik, Ogos 2023: 91,866 tan metrik), manakala eksport dedak isirung sawit pula meningkat sebanyak 7.7 peratus (September 2023: 211,057 tan metrik, Ogos 2023: 195,987 tan metrik).


Carta 5: Eksport Minyak Sawit, Januari 2022 - September 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit turut menyusut 55.7 peratus kepada 49,054 tan metrik pada bulan September 2023 berbanding 110,621 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sebaliknya import minyak isirung sawit melonjak sebanyak 270.1 peratus (September 2023: 12,129 tan metrik, Ogos 2023: 3,277 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2022 - September 2023




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Dalam memastikan kelangsungan produktiviti penghasilan buah tandan segar negara, kerajaan akan menyediakan Insentif Program Tanam Semula Sawit dengan peruntukan RM100 juta menerusi geran dan pinjaman yang ditawarkan kepada 7,000 pekebun kecil sawit persendirian. (RM100 juta untuk insentif Program Tanam Semula Sawit, Harian Metro, 13 Oktober 2023).

Getah

Pengeluaran getah asli mencatatkan peningkatan sebanyak 9.7 peratus pada Ogos 2023, berjumlah 31,309 tan metrik berbanding 28,533 tan metrik pada Julai 2023 (**Carta 7**). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun sebanyak 16.9 peratus (Ogos 2022: 37,666 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2022 – Ogos 2023




Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Sektor kebun kecil menyumbang sebahagian besar getah asli pada Ogos 2023 iaitu 83.3 peratus (26,096 tan metrik) dan selebihnya 16.7 peratus (5,214 tan metrik) adalah daripada sektor estet. Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di sektor kebun kecil menurun 11.1 peratus dan sektor estet pula mencatatkan peningkatan 3.3 peratus. Trend yang sama dilihat berbanding Ogos 2022, pengeluaran sektor kebun kecil menurun 21.2 peratus, manakala pengeluaran di estet pula meningkat sebanyak 14.8 peratus.

Harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat menurun sebanyak 3.9 peratus (Ogos 2023: 471.09 sen sekilogram; Julai 2023: 490.18 sen sekilogram) dan Sekerap menurun 1.9 peratus (Ogos 2023: 462.05 sen sekilogram; Julai 2023: 471.14 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.7 peratus hingga 3.9 peratus. The World Bank Commodity Price Data melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) menurun 0.5 peratus (daripada USD1.30/kg kepada USD1.29/kg) dan SGP/MYS (Singapore/Malaysia) menurun 1.5 peratus (daripada USD1.49/kg kepada USD1.47/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Ogos 2022 dan Julai - Ogos 2023



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 0.8 peratus pada Ogos 2023 kepada 142,620 tan metrik berbanding 143,757 tan metrik pada Julai 2023. Stok getah asli menjunam 32.3 peratus berbanding 210,768 tan metrik yang dicatatkan pada Ogos 2022.


Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2022 – Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli menunjukkan penurunan 12.8 peratus daripada Julai 2023 (26,661 tan metrik) kepada 23,260 tan metrik. Penggunaan pada asas tahunan menunjukkan penurunan 29.9 peratus (Ogos 2022: 33,160 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2022 – Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 57,488 tan metrik pada Ogos 2023, meningkat 11.0 peratus berbanding Julai 2023 (51,784 tan metrik) dan menurun 4.5 peratus dari daripada 60,170 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 47.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Ogos 2023 diikuti Germany (8.7%), Iran (4.0%), United States of America (USA) (2.9%) dan Pakistan (2.7%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan kuantiti sebanyak 43,124 tan metrik pada Ogos 2023, meningkat sebanyak 16.3 peratus berbanding Julai 2023 (37,074 tan metrik). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah USA (14,885 tan metrik), Japan (2,353 tan metrik) dan India (2,219 tan metrik) seperti dipaparkan dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Julai 2023 dan Ogos 2023

| Negara | Kuantiti (Tan metrik) | | Nilai (RM juta) | |
|--------------------------|-----------------------|-----------|-----------------|-----------|
| | Julai 2023 | Ogos 2023 | Julai 2023 | Ogos 2023 |
| United States of America | 12,052 | 14,885 | 346.7 | 398.0 |
| Japan | 2,219 | 2,353 | 71.6 | 72.3 |
| Germany | 1,681 | 2,219 | 23.1 | 30.2 |
| India | 1,796 | 2,098 | 48.2 | 52.2 |
| China | 1,528 | 2,025 | 29.3 | 38.8 |
| Brazil | 1,503 | 1,574 | 26.1 | 25.3 |
| Australia | 1,012 | 1,297 | 28.0 | 33.3 |
| United Kingdom | 612 | 1,010 | 17.5 | 25.9 |
| Netherlands | 1,011 | 986 | 27.3 | 24.8 |
| Republic of Korea | 843 | 932 | 25.3 | 23.8 |


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) akan meneroka potensi kerjasama dengan China khususnya membabitkan teknologi berasaskan getah yang boleh digunakan secara meluas dalam industri pembinaan. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata industri getah tempatan memiliki penyelidikan khusus untuk diguna pakai dalam sektor pembinaan termasuk kerjasama Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC) telah menghasilkan teknologi padu berasaskan pada produk gelas getah seismik. (Kerjasama Malaysia-China lonjak industri getah negara, Berita Harian, 19 September 2023)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

IPP kembali menyusut pada Ogos 2023, menurun 0.3 peratus tahun ke tahun berbanding positif 0.7 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya (**Carta 11**). Penurunan pada Ogos 2023 adalah disebabkan oleh sektor Pembuatan yang menyusut 0.6 peratus berbanding penurunan 0.2 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023. Sebaliknya, sektor Perlombongan menunjukkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus (Julai 2023: 4.2%) manakala sektor Elektrik berkembang 1.9 peratus (Julai 2023: 1.5%). Berbanding bulan sebelumnya, IPP meningkat 2.8 peratus berbanding pertumbuhan negatif 1.8 peratus yang direkodkan pada Julai 2023.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Januari 2022 – Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemerosotan pengeluaran Pembuatan dipengaruhi terutamanya oleh penyusutan berterusan dalam industri berorientasikan eksport yang jatuh 2.6 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: -2.7%). Penguncupan tersebut disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-7.5%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-3.8%). Penyusutan ini turut dicerminkan melalui prestasi eksport negara yang mengalami trend penurunan sejak Mac 2023 dan merekodkan kejatuhan 18.6 peratus pada Ogos 2023.

Namun begitu, industri berorientasikan domestik terus berkembang walaupun pada kadar sederhana iaitu 4.2 peratus berbanding pertumbuhan 6.0 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan tersebut dipacu oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (7.2%); dan Pembuatan produk prosesan makanan (5.7%). Secara perbandingan dengan bulan sebelumnya, pengeluaran sektor Pembuatan pulih kepada 5.1 peratus berbanding negatif 4.3 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023.

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama terpilih Malaysia menunjukkan pertumbuhan negatif pada Ogos 2023, iaitu seperti Singapore (-12.1%), Taiwan (-10.5%), Thailand (-7.5%), Japan (-3.8%), dan South Korea (-0.5%). Sebaliknya, China dan Vietnam terus merekodkan momentum pertumbuhan positif, masing-masing berkembang 4.5 peratus dan 2.6 peratus pada Ogos 2023, manakala United States pulih kepada 0.2 peratus.

Pengeluaran sektor Perlombongan tumbuh marginal 0.1 peratus pada Ogos 2023 berbanding 4.2 peratus yang direkodkan pada Julai 2023. Kenaikan tersebut dipacu oleh momentum peningkatan 2.6 peratus dalam pengeluaran Gas Asli (Julai 2023: -0.8%) pada bulan berkenaan. Sebaliknya, pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat menyusut 3.3 peratus selepas merekodkan pertumbuhan kukuh 11.8 peratus pada Julai 2023. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan jatuh 5.4 peratus berbanding positif 8.0 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023.

Pengeluaran Elektrik terus meningkat 1.9 peratus pada Ogos 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik meningkat 0.3 peratus berbanding 1.8 peratus pada Julai 2023.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN


Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan terus merosot kepada 3.3 peratus pada Ogos 2023 selepas merekodkan pertumbuhan negatif 3.0 peratus pada bulan sebelumnya (**Carta 12**). Penurunan tahun ke tahun tersebut dipengaruhi terutamanya oleh subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik yang menurun 12.1 peratus, mencatatkan penurunan dua digit selama tiga bulan berturut-turut. Tambahan lagi, kemerosotan ini juga disumbangkan oleh penyusutan dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (-6.6%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-0.1%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan pulih kepada 5.8 peratus berbanding negatif 2.4 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023.

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang menyumbang 72.7 peratus daripada jumlah jualan, menurun 6.7 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: -7.0%). Sebaliknya, kemerosotan dalam nilai jualan dikurangkan oleh industri berorientasikan domestik secara berterusan, dengan pertumbuhan 7.2 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: 9.1%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport dan berorientasikan domestik masing-masing berkembang 6.7 peratus dan 3.5 peratus.

Eksport Malaysia mencatatkan penurunan 18.6 peratus pada Ogos 2023 kepada RM115.2 bilion berbanding bulan yang sama pada tahun 2022, dicerminkan melalui penyusutan eksport domestik dan eksport semula. Eksport barangan perkilangan yang menyumbang 85.4 peratus daripada eksport keseluruhan merekodkan pertumbuhan negatif 17.7 peratus atau RM21.0 bilion kepada RM98.4 bilion, tahun ke tahun. Penurunan ini dipengaruhi oleh keluaran petroleum (-38.6%), barangan perkilangan lain (-28.5%), barangan perkilangan berasaskan minyak sawit (-24.6%), barangan elektrik & elektronik (E&E) (-15.3%) dan kimia & bahan kimia (-10.0%).

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2022 - Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.36 juta orang pada Ogos 2023, mencatatkan peningkatan 2.0 peratus berbanding 2.31 juta orang yang direkodkan setahun lalu. Penambahan itu sebahagian besarnya disumbangkan dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (6.2%); Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (2.6%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.2%). Secara asas bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini meningkat secara marginal sebanyak 0.6 peratus.

Selaras dengan pertambahan bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga meningkat sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun, dengan jumlah RM8.0 bilion pada Ogos 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah meningkat 0.9 peratus daripada RM7.9 bilion yang direkodkan pada Julai 2023. Tambahan lagi, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 1.0 peratus dengan nilai RM3,397 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja jatuh sebanyak 5.2 peratus kepada RM64,660.

Prospek sektor pembuatan Malaysia dijangka kekal suram terutamanya dipengaruhi oleh kelemahan sektor luaran. Walau bagaimanapun, permintaan domestik terus menyokong aktiviti pembuatan, dipacu oleh perbelanjaan pengguna yang berterusan dan peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan.


Perdagangan Borong dan Runcit

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan nilai jualan bulanan sebanyak RM142.5 bilion, meningkat 6.7 peratus tahun ke tahun pada Ogos 2023.

Prestasi Nilai Jualan Julai 2023

Peningkatan 6.7 peratus bagi Perdagangan Borong & Runcit pada Ogos 2023 disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong, yang meningkat 6.2 peratus atau RM3.7 bilion untuk mencatatkan RM63.9 bilion. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor masing-masing dengan 6.3 peratus (+RM3.6 bilion) dan 9.7 peratus (+RM1.6 bilion) (**Paparan 1**).

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, Ogos 2023

| SUBSEKTOR | Nilai Jualan | | | Indeks Volum (2015=100) | | | | |
|---|--------------|-------------|-----|-------------------------|-------------|-----------|----------------------|-------------|
| | RM Bilion | % Perubahan | | Asal | % Perubahan | | Pelarasan Musim (SA) | % Perubahan |
| | | Ogos 2023 | YoY | | MoM | Ogos 2023 | | |
|  PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT | 142.5 | 6.7 | 2.0 | 152.8 | 5.0 | 1.9 | 152.3 | -0.03 |
|  PERDAGANGAN BORONG | 63.9 | 6.2 | 1.2 | 140.3 | 6.1 | 1.1 | 138.2 | -4.0 |
|  PERDAGANGAN RUNCIT | 60.5 | 6.3 | 1.4 | 172.8 | 3.8 | 1.5 | 171.7 | 0.2 |
|  KENDERAAN BERMOTOR | 18.1 | 9.7 | 7.1 | 136.1 | 8.7 | 6.8 | 143.4 | 3.3 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit bertumbuh 2.0 peratus, disokong oleh Kenderaan Bermotor (7.1%), Perdagangan Runcit (1.4%) dan Perdagangan Borong (1.2%).

Prestasi Perdagangan Borong

Peningkatan 6.2 peratus bagi Perdagangan Borong disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang naik 6.2 peratus (+RM1.5 bilion) kepada RM25.0 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (8.1%), Jualan Borong Barangan Isi Rumah (5.4%), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (7.9%), Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (6.3%), Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (10.3%) dan Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (1.0%) (**Carta 13**).

Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong meningkat 1.2 peratus, terutamanya disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong dengan 1.8 peratus (+RM0.4 bilion).

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan Runcit berkembang 6.3 peratus pada Ogos 2023, disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang meningkat sebanyak 9.2 peratus (+RM1.9 bilion) kepada RM23.0 bilion. Kumpulan lain dalam subsektor ini juga merekodkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan (5.7%), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (8.9%), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (13.3%), Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah (1.9%), Jualan Runcit di Gerai & Pasar (7.1%), Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi (0.5%) dan Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (1.3%) seperti di **Carta 14**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 1.4 peratus, terutamanya disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan dengan 1.3 peratus (+RM0.3 bilion).

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Kenderaan Bermotor

Pertumbuhan 9.7 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor pada bulan ini disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang meningkat 6.2 peratus atau RM0.6 bilion kepada RM9.9 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor (20.7%) dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor (21.6%) seperti yang ditunjukkan di **Carta 15**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 7.1 peratus, terutamanya disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor dengan 13.2 peratus (RM+1.2 bilion).

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada Ogos 2023 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.0 peratus. Pengembangan ini disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor (8.7%), Perdagangan Borong (6.1%) dan Perdagangan Runcit (3.8%). Sementara itu, indeks volum pelarasan musim menurun -0.03 peratus (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2022 - Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

**Jadual 5: Prestasi Indeks Perdagangan Runcit Bagi Negara-Negara Terpilih, Ogos 2023
(Tahun ke Tahun)**

| Singapore | Hong Kong | United Kingdom | South Korea | Indonesia |
|-----------|-----------|----------------|-------------|-----------|
| 2.6 | 10.9 | -1.6 | -4.8 | 1.3 |

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi indeks jualan runcit di negara terpilih, Hong Kong, Singapore dan Indonesia mencatatkan pertumbuhan positif masing-masing sebanyak 10.9 peratus, 2.6 peratus dan 1.3 peratus (**Jadual 5**) pada Ogos 2023. Indeks jualan runcit Hong Kong meningkat untuk bulan kelapan berturut-turut, disokong oleh kedatangan pelancong, manakala jualan runcit Singapore berkembang 2.6 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh industri makanan dan alkohol, terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan bagi produk alkohol. Begitu juga, indeks jualan runcit Indonesia meningkat 1.3 peratus, lebih perlahan berbanding 1.5 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya dan menandakan pertumbuhan bulan ketiga berturut-turut.

Sebaliknya, South Korea dan United Kingdom merekodkan pertumbuhan negatif pada bulan ini, masing-masing dengan negatif 4.8 peratus dan negatif 1.6 peratus.

Perdagangan Barangan


Edisi terkini Global Trade Outlook and Statistics yang diterbitkan oleh World Trade Organization pada 5 Oktober 2023 melaporkan bahawa volum perdagangan barangan dunia menguncup secara marginal 0.5 peratus tahun ke tahun pada separuh tahun pertama 2023. Prestasi kurang memberangsangkan ini dilihat menular secara meluas; dialami oleh banyak negara dan merangkumi pelbagai jenis barangan. Punca sebenar penurunan ini belum lagi dikenalpasti, namun, peningkatan inflasi, kadar faedah yang tinggi, kenaikan dolar US dan ketegangan geopolitik yang berterusan menjadi elemen penyumbang secara keseluruhan.

Sementara itu, perdagangan Malaysia terus merosot pada Ogos 2023 dengan jumlah dagangan menyusut 19.8 peratus daripada RM265.8 bilion yang direkodkan setahun yang lalu kepada RM213.0 bilion. Eksport berkurang 18.6 peratus kepada RM115.2 bilion, manakala import merekodkan penurunan lebih ketara 21.2 peratus kepada RM97.9 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan meningkat secara marginal 0.1 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM17.3 bilion. Berbanding Julai 2023, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan perdagangan masing-masing menyusut 1.5 peratus, 1.4 peratus, 1.6 peratus dan 0.3 peratus.

Dari perspektif rakan dagangan, prestasi negatif eksport didorong oleh Singapore, yang menyusut RM4.0 bilion, diikuti China (-RM3.7 bilion), Hong Kong (-RM3.2 bilion) dan Indonesia (-RM2.7 bilion). Begitu juga, prestasi yang sama turut dialami oleh import. Pengurangan adalah terutamanya dari Taiwan (-RM4.8 bilion), diikuti China (-RM4.4 bilion), Japan (-RM2.6 bilion) dan United States of America (USA) (-RM2.4 bilion). Perdagangan Malaysia pada Ogos 2023 kekal didorong terutamanya oleh China, Singapore, USA dan European Union (EU), dengan jumlah sumbangan 48.4 peratus (Ogos 2022: 44.8%).

Eksport barangan Malaysia pada Ogos 2023 susut 18.6 peratus tahun ke tahun kepada RM115.2 bilion daripada RM141.5 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi negatif ini didorong oleh penyusutan secara berterusan Keluaran petroleum bertapis (-RM7.7 bilion, -39.9%) dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (-RM3.4 bilion, -29.6%). Barangan elektrik & elektronik (E&E) pada bulan ini turut menunjukkan trend penurunan (-RM7.8 bilion, -15.3%) setelah tiga bulan berturut-turut menunjukkan peningkatan seperti di **Carta 17** Walau bagaimanapun, Batang pipih, batang bulat daripada besi & keluli dan Kayu & hasil keluaran kayu masing-masing meningkat RM75.9 juta (+6.1%) dan RM8.2 juta (+0.4%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit merupakan produk eksport utama Malaysia pada Ogos 2023, dengan sumbangan agregat 54.8 peratus (Ogos 2022: 58.0%).


Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan eksport, import turut mencatatkan trend penurunan pada Ogos 2023, menyusut 21.2 peratus tahun ke tahun kepada RM97.9 bilion daripada RM124.2 bilion pada Ogos 2022. Keluaran petroleum bertapis dan Barangan E&E terus menjadi pendorong utama kepada penurunan dengan masing-masing berkurang RM9.7 bilion (-50.8%) dan RM5.1 bilion (-14.6%) (**Carta 18**). Dalam Pada masa yang sama, Petroleum mentah turut kembali kepada trend negatif RM2.2 bilion (-33.1%) setelah tiga bulan berturut-turut mencatatkan kenaikan. Namun begitu, Tembaga pula merekodkan trend pemulihan, dengan peningkatan RM189.9 juta (+14.3%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada Ogos 2023, dengan sumbangan kumulatif 44.4 peratus (Ogos 2022: 48.6%).


Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seiring prestasi ekonomi global yang kurang memberangsangkan, pertumbuhan perdagangan rakan dagang utama menunjukkan trend negatif pada Ogos 2023 kecuali Thailand seperti di **Carta 19**.

Carta 19: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), Ogos 2023



Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi Ogos 2023 menunjukkan penurunan dalam jumlah dagangan RM52.7 bilion atau 19.8 peratus kepada RM213.0 bilion, tahun ke tahun. Penurunan jumlah dagangan ini disumbangkan oleh hampir kesemua negeri, terutamanya dari Johor yang menurun RM20.1 bilion (-30.3%), diikuti oleh Pulau Pinang RM15.3 bilion (-22.1%) dan Selangor RM7.8 bilion (-13.9%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan meningkat di W.P. Labuan RM372.0 juta (+37.5%) dan Kedah RM83.3 juta (+0.8%) seperti di **Paparan 2**.

Jumlah eksport pada bulan Ogos 2023 menurun RM26.4 bilion (-18.6%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM9.1 bilion), Johor (-RM7.9 bilion) dan Selangor (-RM3.6 bilion). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di W.P. Labuan RM719.1 juta, Kedah (+RM431.3 juta) dan Negeri Sembilan (+RM246.8 juta).

Pada masa yang sama, import pada Ogos 2023 juga menurun RM26.4 bilion (-21.2%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM12.2 bilion), Pulau Pinang (-RM6.2 bilion) dan Selangor (-RM4.2 bilion). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Terengganu RM188.1 juta.

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 81.4 peratus kepada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksporth utama dengan sumbangan 28.8 peratus, diikuti oleh Johor (22.1%), Selangor (18.4%), Sarawak (7.9%) dan Kedah (4.2%). Sementara itu, bagi import, Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 27.7 peratus, diikuti oleh Johor (21.1%), Pulau Pinang (21.1%), W.P. Kuala Lumpur (7.1%) dan Kedah (5.9%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Ogos 2022 dan Ogos 203



Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perdagangan Malaysia bertambah baik kepada negatif yang lebih kecil mereda pada September 2023, menurun sebanyak 12.6 peratus daripada RM256.7 bilion pada bulan yang sama tahun lepas kepada RM224.4 bilion. Eksport menyusut 13.7 peratus kepada RM124.5 bilion, manakala import berkurang 11.1 peratus kepada RM100.0 bilion, menyumbang kepada lebihan dagangan penurunan 23.0 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada RM24.5 bilion. Perbandingan bulan ke bulan, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan perdagangan memulih dengan mencatatkan peningkatan masing-masing 5.4 peratus, 8.2 peratus, 2.1 peratus dan 42.7 peratus.

Meninjau dari sudut suku tahunan, prestasi tahun ke tahun perdagangan Malaysia pada suku tahun ketiga (ST3) 2023 terus merosot dengan jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan menguncup berbanding ST3 2022, masing-masing 15.7 peratus, 15.2 peratus, 16.3 peratus dan 9.1 peratus. Berbanding suku tahun kedua 2023, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing meningkat 1.6 peratus 2.2 peratus, 0.8 peratus dan 9.6 peratus.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2023, prestasi perdagangan Malaysia kekal berada dalam trajektori negatif. Jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan menyusut berbanding tempoh yang sama pada 2022, masing-masing dengan 8.6 peratus, 8.4 peratus, 8.9 peratus dan 5.7 peratus. Seiring dengan itu, Tinjauan Ekonomi 2024 oleh Kementerian Kewangan yang diterbitkan pada 13 Oktober 2023 telah menurunkan anggaran pertumbuhan perdagangan barangan Malaysia pada 2023, dengan jumlah dagangan, eksport dan import masing-masing dianggar merosot 7.3 peratus, 7.8 peratus, 6.8 peratus dan 12.5 peratus.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan


Senario Buruh

Dalam tempoh enam bulan pertama 2023, ekonomi Malaysia mengalami peningkatan sederhana dengan kadar pertumbuhan 4.2 peratus, sekaligus menunjukkan prospek ekonomi negara yang positif. Justeru, perkembangan perusahaan ditambah dengan unjuran ekonomi yang positif dan peningkatan dalam pelancongan dan kesihatan domestik telah menyumbang kepada peningkatan dalam prospek pekerjaan dalam pasaran buruh Malaysia pada bulan tersebut. Oleh yang demikian, tenaga buruh mengekalkan pertumbuhan sederhana pada bulan Ogos dengan mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja di samping penurunan dalam bilangan penganggur.

Pada Ogos 2023, bilangan penduduk bekerja terus bertambah dengan peningkatan 0.1 peratus atau 19.9 ribu orang berbanding bulan sebelumnya. Jumlah penduduk bekerja mencecah 16.35 juta orang, lebih tinggi berbanding 16.34 juta orang yang direkodkan pada Julai 2023. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja meningkat 0.2 peratus dengan mengambil kira terma pelarasan bermusim. Perbandingan tahun ke tahun, terdapat peningkatan 2.1 peratus dalam bilangan penduduk bekerja, yang merekodkan 337.2 ribu orang berbanding tahun sebelumnya (Ogos 2022: 16.02 juta orang).

Menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, nisbah guna tenaga kepada penduduk kekal pada 67.7 peratus pada Ogos 2023. Nisbah tersebut, jika dibandingkan dengan 67.1 peratus yang dilaporkan pada Ogos 2022, telah meningkat sebanyak 0.6 mata peratus berbanding setahun lalu (**Carta 20**).

Carta 20: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2020 - Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, terdapat penambahan sebanyak 2.3 ribu orang (+2.8%) dalam bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu dengan merekodkan 83.2 ribu orang (Julai 2023: 80.9 ribu orang). Peningkatan ini sebahagiannya adalah didorong oleh cuti sekolah pada bulan tersebut. Berbanding tahun sebelumnya, kategori ini meningkat 2.3 peratus (+1.9 ribu orang) daripada 81.3 ribu orang pada Ogos 2022. Kumpulan ini berkemungkinan tidak dapat bekerja sementara waktu, tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

Kategori pekerja yang merangkumi 75.4 peratus daripada penduduk bekerja, mengalami sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus dengan penambahan sebanyak 10.9 ribu orang, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 12.32 juta orang pada Ogos 2023 (Julai 2023: 12.31 juta orang). Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja sendiri meningkat 0.3 peratus (+7.9 ribu orang), merekodkan 2.97 juta orang (Julai 2023: 2.96 juta orang). Kategori ini kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha, perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja dan penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil (**Carta 21**).

SENARIO BURUH


Carta 21: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Julai 2023 dan Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penganggur meneruskan trajektori menurun pada Ogos 2023, susut sebanyak 1.9 ribu orang, atau 0.3 peratus, kepada 577.3 ribu orang (Julai 2023: 579.2 ribu orang). Sebaliknya, kadar pengangguran kekal pada 3.4 peratus dalam tempoh yang sama. Perbandingan tahun ke tahun, terdapat pengurangan sebanyak 34.7 ribu orang, (-5.7%), dalam keseluruhan jumlah penganggur (Ogos 2022: 612.0 ribu orang). Kadar pengangguran merosot sebanyak 0.3 mata peratus berbanding 3.7 peratus pada Ogos tahun sebelumnya (**Carta 22**).


Carta 22: Penganggur dan Kadar Pengangguran, 1995 - 2022 dan Januari 2020 - Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sebahagian besar penganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Pada Ogos 2023, kategori ini meliputi 80.0 peratus daripada jumlah penganggur, terus menyusut 0.6 peratus (-2.6 ribu orang) mencatatkan 462.1 ribu orang berbanding 464.7 ribu orang pada Julai 2023. Sebanyak 61.4 peratus daripada keseluruhan jumlah penganggur aktif adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan. Sebaliknya, mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 6.2 peratus. Sementara itu, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia naik sebanyak 0.7 ribu orang (+0.6%) untuk merekodkan 115.2 ribu orang (Julai 2023: 114.5 ribu orang (**Carta 23**)).


Carta 23: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Julai 2023 dan Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sepanjang bulan tersebut, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 10.8 peratus, menurun sebanyak 0.1 mata peratus, menyebabkan bilangan penganggur belia yang lebih kecil iaitu 309.2 ribu orang (Julai 2023: 10.9%; 311.2 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah 6.8 peratus, dengan 439.6 ribu penganggur belia (Julai 2023: 6.8%; 444.8 ribu orang) (**Carta 24**).

Carta 24: Kadar Pengangguran mengikut Kumpulan Umur Terpilih, 1995 - 2022 dan Januari 2022 - Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tenaga buruh menunjukkan peningkatan yang konsisten bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus, atau 17.9 ribu orang, merekodkan 16.93 juta orang pada Ogos 2023 (Julai 2023: 16.91 juta orang). Oleh yang demikian, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) kekal pada 70.1 peratus. Bilangan tenaga buruh mengalami kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.8 peratus, bersamaan dengan peningkatan sebanyak 302.4 ribu orang, berbanding 16.63 juta orang pada Ogos 2022. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.4 mata peratus berbanding kadar tahun sebelumnya iaitu 69.7 peratus (**Carta 25**).

SENARIO BURUH


Carta 25: Tenaga Buruh dan KPTB, 1995 - 2022 dan Januari 2020 - Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan tersebut, terdapat penambahan sebanyak 6.3 ribu orang (+0.1%) dalam bilangan penduduk di luar tenaga buruh, mencecah 7.23 juta orang (Julai 2023: 7.23 juta orang). Sebaliknya, ia berkurang sebanyak 10.7 ribu orang (-0.1%) tahun ke tahun (Ogos 2022: 7.24 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merangkumi komposisi terbesar luar tenaga buruh (42.9%), diikuti oleh persekolahan/latihan (40.1%) (Carta 26).

Carta 26: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Julai 2023 dan Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Pada Ogos 2023, kadar inflasi Malaysia kekal stabil dengan 2.0 peratus berbanding Julai 2023 (**Carta 27**). Peningkatan ini terutamanya dipengaruhi oleh pertumbuhan harga yang lebih rendah dalam kategori tertentu: Restoran & Hotel, 4.7 peratus (turun daripada 5.0% pada Julai 2023); Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 4.1 peratus (turun daripada 4.4% pada Julai 2023) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 1.7 peratus (turun daripada 1.9% pada Julai 2023). Dari segi paras harga umum pula, mata indeks kekal tinggi secara relatifnya pada 130.8, berbanding 128.2 pada Ogos 2022.

Selain itu, kenaikan inflasi di Malaysia turut didorong oleh kenaikan harga bagi kumpulan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.4%); Kesihatan (2.4%); Pendidikan (2.1%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.8%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.0%). Manakala, Minuman Alkohol & Tembakau meningkat marginal sebanyak 0.5 peratus berbanding Ogos 2022.

Carta 27: IHP Keseluruhan, Restoran & Hotel dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Januari 2022 – Ogos 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar inflasi Pengangkutan bagi Ogos 2023 kekal tidak berubah pada 0.0 peratus berbanding penurunan 0.4 peratus pada Julai 2023. Subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan dan Pembelian kenderaan masing-masing meningkat sebanyak 3.5 peratus dan 0.7 peratus. Namun begitu, penurunan inflasi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian sebanyak negatif 0.3 peratus mengimbangi sebahagian inflasi dalam tempoh ini.

Penurunan dalam subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian dipengaruhi terutamanya oleh penurunan dalam kelas perbelanjaan Bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian kepada negatif 2.8 peratus. Tambahan pula, penurunan harga minyak Petrol tanpa plumbum RON97 kepada negatif 23.4 peratus pada Ogos 2023 (RM3.37 seliter daripada RM4.40 seliter pada Ogos 2022) merupakan penyumbang kepada penurunan kelas perbelanjaan ini, yang menokok 58.4 peratus wajaran bagi kumpulan ini (**Carta 28**).

Carta 28: Purata Harga Bahan Api, Januari 2022 – Ogos 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) merekodkan peningkatan yang lebih perlahan iaitu 4.1 peratus berbanding Julai 2023 (4.4%). Sebanyak 185 item daripada 230 item Makanan (80.4%), telah merekodkan kenaikan harga berbanding Ogos 2022. Komponen Makanan di rumah yang mewakili 57.4 peratus daripada wajaran kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, mengalami peningkatan yang lebih perlahan sebanyak 2.9 peratus berbanding 3.0 peratus pada Julai 2023 (**Jadual 6**). Bagi September 2023, inflasi Malaysia susut kepada 1.9 peratus.

Jadual 6: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Ogos 2023

| Kumpulan Utama | Wajaran | Tahun ke Tahun (%) Ogos 2023 |
|--|-------------|------------------------------|
| Makanan & Minuman Bukan Alkohol | 29.5 | 4.1 |
| Makanan | 28.4 | 4.2 |
| Makanan Di Rumah | 16.9 | 2.9 |
| Beras, Roti & Bijirin Lain | 3.5 | 4.0 |
| Daging | 2.5 | 5.8 |
| Ikan & Makanan Laut | 4.0 | 1.5 |
| Susu, Keju & Telur | 1.5 | 4.0 |
| Minyak & Lemak | 0.6 | -1.4 |
| Buah-buahan | 1.2 | 3.0 |
| Sayur-sayuran | 2.1 | -1.1 |
| Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan | 0.6 | 3.3 |
| Keluaran Makanan t.t.t.l. | 1.0 | 5.5 |
| Makanan Di Luar Rumah | 11.5 | 5.9 |
| Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol | 1.1 | 3.7 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada September 2023, Kerajaan telah melaksanakan sekatan ke atas pembelian beras putih keluaran tempatan, dengan menghadkan pembelian kepada 100 kilogram bagi setiap pengguna. Langkah ini diambil bagi mengelakkan kemungkinan kekurangan beras putih tempatan di pasaran.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun negatif 1.8 peratus pada Ogos 2023 berbanding negatif 2.3 peratus pada Julai 2023.

Penurunan ini terutama didorong oleh sektor Perlombongan, yang menurun 3.8 peratus (Julai 2023: -10.8%), dengan indeks Pengekstrakan petroleum mentah mencatatkan negatif 6.5 peratus pada Ogos 2023. Seiring itu, sektor Pembuatan mengalami penurunan sebanyak 2.3 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-13.4%) dan Pembuatan produk makanan (-7.6%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga mencatatkan penurunan marginal 0.1 peratus (Julai 2023: 0.1%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat sebanyak 2.9 peratus disokong oleh indeks Pengeluaran ternakan (6.0%) dan Penanaman tanaman kekal (2.0%). Sektor Bekalan air juga meningkat 2.5 peratus pada Ogos 2023.

Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 0.3 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: 0.2%). Sektor Perlombongan meningkat 3.9 peratus terutamanya disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (5.0%) dan Pengekstrakan gas asli (0.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 1.9 peratus dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0 peratus. Sektor Bekalan air juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus pada bulan ini. Sementara itu, sektor Pembuatan menurun 0.2 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pembuatan produk petroleum bertapis (-1.2%) dan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-1.2%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga menurun sebanyak negatif 0.1 peratus. (**Jadual 7**).


Jadual 7: Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

| Sektor | Kod | Wajaran | Indeks | Perubahan Peratus (%) | | | | | |
|-----------------------------------|-----|---------------|--------------|-----------------------|-------------|-------------|----------------|------------|------------|
| | | | | Tahun ke Tahun | | | Bulan ke Bulan | | |
| | | | | Ogos 2023 | Ogos 2022 | Julai 2023 | Ogos 2023 | Ogos 2022 | Julai 2023 |
| JUMLAH | | 100.00 | 118.7 | 6.8 | -2.3 | -1.8 | -0.2 | 0.2 | 0.3 |
| Pertanian, perhutanan & perikanan | A | 6.73 | 130.0 | -10.6 | 3.6 | 2.9 | 2.5 | 1.0 | 1.9 |
| Perlombongan | B | 7.93 | 99.7 | 5.8 | -10.8 | -3.8 | -3.7 | 3.1 | 3.9 |
| Pembuatan | C | 81.57 | 119.9 | 9.4 | -2.1 | -2.3 | -0.1 | -0.2 | -0.2 |
| Bekalan elektrik & gas | D | 3.44 | 117.7 | 0.9 | 0.1 | -0.1 | 0.1 | -0.1 | -0.1 |
| Bekalan air | E | 0.33 | 118.2 | 3.0 | 3.1 | 2.5 | 0.8 | -0.3 | 0.2 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun 2.4 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: -6.3%), dengan indeks Bahan bukan makanan mencatatkan negatif 3.5 peratus. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen juga mencatatkan negatif 3.7 peratus disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-10.2%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (-5.6%). Sebaliknya, indeks Barang siap meningkat 3.2 peratus, didorong oleh peningkatan dalam Kelengkapan modal (4.8%) dan Barangan pengguna siap (1.2%). Pada September 2023, IHP meningkat secara marginal 0.2 peratus.

**Carta 29: Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan, Tahun ke Tahun (%),
Januari 2022 – Ogos 2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan IHPR di sebahagian negara dilihat semakin mengecil menunjukkan pemulihan pasca-pembukaan ekonomi secara beransur-ansur dan sederhana. IHPR United States of America meningkat 1.6%, berbanding 0.8 peratus pada Julai 2023. Sementara itu, IHPR Japan terus meningkat 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada bulan sebelumnya. Harga pengeluar China terus menurun 3.0 peratus berbanding penurunan 4.4 peratus pada bulan sebelumnya. Begitu juga, inflasi pengeluar India juga mencatatkan penguncupan yang lebih kecil 0.5 peratus (Julai 2023: -1.4%) terutamanya disebabkan oleh harga minyak mineral, logam asas, tekstil dan produk makanan yang lebih rendah.

Berdasarkan Commodity Market Outlook Q3 2023 oleh Euromonitor International, harga komoditi dijangka menurun, tetapi dengan bekalan yang lebih ketat kekal merupakan risiko kepada kenaikan harga. Walaupun kekal pada paras yang tinggi, harga komoditi dijangka berada pada paras normal berbanding tahun lepas, dipengaruhi oleh permintaan global yang lebih lemah. Prospek ekonomi global bertambah baik beberapa bulan kebelakangan ini, tetapi ia kekal rapuh berikutan pemulihan pasca-pandemik China dan ketegangan geopolitik. Sementara itu, Perjanjian Bijirin Laut Hitam antara Russia dan Ukraine telah digantung, membolehkan Ukraine mengimport bijirin melalui laut. Penggantungan perjanjian dan kemerosotan kemudahan pelabuhan dijangka memberi kesan kepada eksport bijirin dan biji minyak di rantau ini, yang berpotensi membawa kepada lonjakan harga kedua-dua bijirin dan minyak tersebut.

Pada suku tahun ketiga 2023, prestasi ekonomi dunia dijangka menyederhana berikutan permintaan yang lebih perlahan. Sementara itu, konflik terkini di Timur Tengah pada awal Oktober 2023 menyumbang kepada peningkatan harga minyak. Konflik Russia-Ukraine yang berlarutan terus mempengaruhi pasaran komoditi, walaupun inflasi di seluruh dunia dilihat semakin mereda. Mengambil kira senario global yang mencabar, petunjuk ekonomi Malaysia terkini menunjukkan sentimen yang bercampur-campur.

Jumlah dagangan pada Ogos 2023 menyusut kepada RM213.0 bilion (Ogos 2022: RM265.8 bilion) atau turun 19.8 peratus tahun ke tahun. Eksport dan import masing-masing mencatatkan RM115.2 bilion (-18.6%) dan RM97.9 bilion (-21.2%). Penurunan import mengikut Penggunaan Akhir adalah disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk barangan pengantara (-22.6%) dan barangan penggunaan (-5.4%), manakala barangan modal meningkat 5.4 peratus. Lebihan dagangan meningkat 0.1 peratus kepada RM17.3 bilion. Perdagangan luar negeri dijangka sangat mencabar dalam beberapa bulan akan datang. Laporan terkini the Global Trade Outlook and Statistics' oleh World Trade Organization telah menyemak semula perdagangan barangan global 2023 pada kadar lebih rendah kepada 1.0 peratus berbanding anggaran terdahulu 3.4 peratus, mencerminkan kesan daripada konflik perdagangan yang berlarutan dan kelembapan ekonomi global.

IPP menguncup 0.3 peratus pada Ogos 2023 berbanding pertumbuhan dua angka 13.2 peratus pada Ogos 2022, didorong oleh penurunan dalam Pembuatan sebanyak 0.6 peratus. Walau bagaimanapun, pertumbuhan marginal yang dicatatkan oleh sektor Perlombongan (0.1%) dan Elektrik (1.9%) mengimbangi prestasi keseluruhan IPP. Prestasi IPP pada Ogos 2023 adalah lebih rendah berbanding 0.7 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023. Sementara itu, nilai jualan sektor Pembuatan juga merosot 3.3 peratus pada Ogos 2023 (Ogos 2022: 24.4%) disebabkan oleh prestasi kurang memberangsangkan subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik, Makanan, minuman & tembakau dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan. Penurunan pada Ogos merupakan pertumbuhan negatif direkodkan bagi bulan ketiga berturut-turut (Jun 2023: -4.0%, Julai 2023: -3.0%). Meninjau ke hadapan, prestasi sektor Pembuatan dijangka dipengaruhi oleh permintaan luaran yang perlahan. Walau bagaimanapun, permintaan domestik dilihat berkemampuan untuk menyokong aktiviti pembuatan, didorong oleh perbelanjaan pengguna yang mampan dan peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan.

Walaupun bagaimanapun, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 6.7 peratus pada Ogos 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, mencecah RM142.5 bilion, dengan komponennya menunjukkan momentum positif. Subsektor Perdagangan Borong meningkat 6.2 peratus kepada RM63.9 bilion, diikuti oleh Perdagangan Runcit meningkat 6.3 peratus (RM60.5 bilion) dan Kenderaan Bermotor meningkat 9.7 peratus (RM18.1 bilion). Prestasi pada Ogos dilihat sedikit lebih rendah berbanding Julai 2023 kecuali bagi subsektor Perdagangan Runcit (Perdagangan Borong & Runcit: 7.1%, Perdagangan Borong: 5.7%, Perdagangan Runcit: 5.5%, Kenderaan Bermotor: 19.9%). Sektor Perdagangan Borong & Runcit dijangka mengekalkan trend pertumbuhan tahunan yang positif pada bulan-bulan akan datang. Nilai jualan pada September dijangka lebih baik berbanding Ogos berikutan cuti umum seperti Hari Malaysia dan Maulidur Rasul.

Dari perspektif buruh, bilangan penduduk bekerja mencecah 16.35 juta orang atau meningkat 2.1 peratus (Ogos 2022: 16.02 juta orang). Nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.6 mata peratus kepada 67.7 peratus (Ogos 2022: 67.1 peratus). Kadar pengangguran semakin baik kepada 3.4 peratus pada Ogos 2023 berbanding 3.7 peratus pada Ogos tahun sebelumnya. Pasaran buruh akan mengalami pengembangan sederhana berikutan aktiviti pelancongan yang menunjukkan arah aliran positif sejajar dengan peningkatan kadar penginapan hotel, trafik penumpang lapangan terbang dan ketibaan pelancong. Selain itu, MIDF Research bersetuju bahawa polisi ekonomi yang menyokong dan peningkatan dalam aktiviti pelancongan akan terus menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran dalam Negeri Kasar (KDNK) pada separuh tahun kedua termasuk kadar pengembangan keseluruhan 2023.

Inflasi pada Ogos 2023 mereda kepada 2.0 peratus berbanding 4.7 peratus yang dicatatkan pada Ogos 2022. Namun begitu, Indeks Harga Pengguna (IHP) kekal tidak berubah berbanding Julai 2023. Sementara itu, IHPR susut 1.8 peratus pada Ogos 2023 berbanding negatif 2.3 peratus pada Julai 2023. Kenaikan harga beras dunia turut memberi kesan kepada pengguna tempatan berikutan peningkatan ketara harga beras import dalam beberapa bulan kebelakangan ini dan selanjutnya akan memberi kesan terhadap IHP. Berikutan itu, kerajaan melaksanakan sekatan ke atas pembelian beras putih tempatan, dengan menghadkan pembelian kepada 100 kilogram bagi setiap pengguna pada September 2023 bagi mengelakkan kekurangan beras putih tempatan di pasaran.

WAY FORWARD

Meninjau ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik sebagaimana yang ditunjukkan oleh anggaran awalan KDNK, yang mengunjurkan pengembangan 3.3 peratus KDNK pada suku tahun ketiga 2023, berbanding 2.9 peratus yang direkodkan pada suku tahun kedua 2023. Pada masa yang sama, Indeks Pelopor mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih baik 0.5 peratus berbanding negatif 1.0 peratus pada Julai 2023. Kadar pertumbuhan IP terlicin kekal di bawah arah aliran 100.0 mata, menggambarkan pertumbuhan ekonomi dijangka akan terus menyederhana pada bulan-bulan akan datang. Namun begitu, konflik timur tengah yang semakin memuncak dikhuatiri akan mempengaruhi harga komoditi dan prospek ekonomi dunia di samping krisis geopolitik yang berpanjangan.



INDIKATOR EKONOMI

| INDIKATOR (Nilai) | 2022 | | | | | | | | | | | | 2023 | | | SUMBER DATA | | |
|--|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---|-----------------------------|
| | Ogos | Sep | OKT | Nov | Dis | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | | | | | |
| 1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR | RM Juta | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1.1 Harga Malar 2015 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 2.0 KOMODITI | RM Juta | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.1 GETAH | RM Juta | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.1.1 Pengeluaran | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
